

Kanak-kanak Indonesia ketagih rokok

25/11/12 8/4 MS 5.



Indonesia **sukar membendung** tabiat merokok dikalangan kanak-kanak.

» Jumlah meningkat tujuh kali ganda dalam tempoh sedekad

► Jakarta

Menteri Kesihatan Indonesia, Nafsiah Mboi mengakui bahawa sukar negara itu untuk menghentikan tabiat merokok kebanyakan penduduk.

Satu kaji selidik dengan sokongan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Pusat Bagi Kawalan dan Pencegahan Penyakit Amerika Syarikat, yang disiarkan September tahun ini mendapati, kadar perokok lelaki Indonesia adalah yang tertinggi di dunia. Dua pertiga daripada golongan lelaki berusia lebih 15 tahun di negara itu adalah perokok.

Bilangan kanak-kanak yang menjadi perokok semakin meningkat. Jumlah mereka meningkat tujuh kali ganda dalam masa kurang sedekad manakala suku remaja negara itu adalah perokok tetap, kata Nafsiah dalam satu temubual yang disiarkan Channel 4, Britain baru-baru ini.

Penguatkuasaan undang-undang amat lemah di Indonesia. Tiada umur minimum ditetapkan bagi pembeli rokok dan tiada pendidikan



Ardi Rizal, kanak-kanak **berusia empat tahun** yang ketagih rokok dan mampu menghisap hingga 40 batang sehari.

diberikan mengenai bahaya rokok.

Indonesia sendiri adalah antara negara termasuk Korea Utara dan Zimbabwe yang gagal menandatangani perjanjian tembakau WHO.

Larangan iklan

Perjanjian yang melarang pengiklanan, promosi dan penajaan produk tembakau serta

larangan terhadap jualan rokok kepada mereka di bawah umur.

Dalam kod etika terbabit, tidak sepatutnya ada iklan rokok dalam lingkungan 100 meter dari kawasan

sekolah. Tetapi realitinya, iklan berkenaan jelas dipaparkan pada papan iklan yang banyak di seluruh negara memaparkan merokok sebagai aktiviti moden yang perlu diterima semua golongan muda.

Ditanya apa yang menghalang Indonesia daripada menandatangani perjanjian itu, Nafsiah berkata ia sukar kerana negara itu menerima hasil

daripada cukai tembakau. Industri tembakau sendiri menyediakan 10 juta peluang pekerjaan dan membabitkan 10 peratus daripada hasil negara secara keseluruhan.

INFO

◎ **Perokok** lelaki Indonesia tertinggi di dunia;

◎ **Bilangan** kanak-kanak merokok naik 7 kali ganda

◎ **Tiada** had minimum umur pembeli rokok